| Headline | RAKAMAN PERISTIWA MENARIK SEPANJANG MINGGU | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 04 Sep 2017 | Color | Full Color |
| Section | TEMPATAN | Circulation | 37,981 |
| Page No | 9 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 1768 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,060 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 27,180 |

[redacted]

# RAKAMAN PERISTIWA MENARIK SEPANJANG MINGGU

BERNAMA



MINAT ... Pengunjung berswafoto di samping teruja melihat dengan lebih dekat spesies burung 'Chattering Lory' yang merupakan antara burung-burung yang dipamerkan di 'Sangkar Terbang Bebas Terbesar Dunia' di Taman Burung Kuala Lumpur. Taman burung terletak di kawasan Taman Tasik Perdana yang dihuni kira-kira 200 spesies dengan jumlah lebih kurang 3,000 ekor burung.



PILIHAN ... Orang ramai dihidangkan dengan Nasi Briyani Kambing selepas Majlis Ibadah Korban di Masjid Kapitan Keling Jalan Kapitan Keling sempena sambutan perayaan Hari Raya Aidiladha. Menurut Pengerusi Kariah Masjid Datuk Meera Mydin sebanyak 200 ekor kambing dikorbankan tahun ini berbanding 140 ekor kambing pada tahun lepas.



GOTONG-ROYONG ... Anggota tentera bergotong royong membungkus daging pada majlis ibadah korban sempena sambutan Aidiladha di Masjid As Syuhada Kem Terendak. Sebanyak 12 ekor lembu dikorbankan hasil sumbangan daripada orang perseorangan dan juga masyarakat sekitar serta anggota tentera yang menyertai majlis itu.



GEMBIRA ... Orang Ramai tidak melepaskan peluang bermain air sempena cuti umum sambutan Aidiladha di Sungai Kemensah.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | RAKAMAN PERISTIWA MENARIK SEPANJANG MINGGU | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 04 Sep 2017 | Color | Full Color |
| Section | TEMPATAN | Circulation | 37,981 |
| Page No | 9 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 1768 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,060 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 27,180 |



PELUANG ... Orang ramai beratur panjang untuk tidak melepaskan peluang merakam gambar bersama mural yang terdapat pada bangunan di tapak warisan UNESCO, Lebuh Armenian. Tinjauan mendapati orang ramai tidak melepaskan peluang untuk melawat tempat-tempat menarik sempena cuti umum Aidiladha.



NGAJI ... Peserta termuda membaca Al Quran adik Qustina Razaleigh, 9, (kanan) dan Safiah Harun, 9, (kiri) turut serta pada program World#QuranHour di Masjid Kampung Melayu Sungai Rapat. Di Perak sebanyak 107 masjid, surau dan rumah ngaji mengadakan World#QuranHour dari pelbagai peringkat umur.



PAKAIAN TRADISIONAL ... Pelbagai suku kaum etnik di Sarawak dipertontonkan kepada orang ramai pada Perhimpunan dan Perarakan Kebangsaan 2017 di Perkarangan Dewan Suarah Bintulu.



**DAGING KORBAN ...** Peserta Majlis Korban Perdana Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar membuat pengagihan daging korban di Masjid Jamek Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Kepong.

Powered by: isentia